



PESERTA program pembangunan usahawan wanita tersenyum ceria selepas menjalani kursus pendek penggunaan teknologi digital di Bandar Bukit Mahkota, Selangor baru-baru ini.

UPM bantu wanita timba ilmu niaga

Kampus



BERDASARKAN data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dikeluarkan Jabatan Perangkaan, 6,000 peserta wanita menyertai program kemahiran I-KeuNita Wanita (I-KeuNITA) atau *Development of Women Entrepreneurship Initiative Programme (DeWI)*.

Menerusi program di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu, seramai 9,768 wanita Melayu di Selangor terlibat sebagai usahawan pada 2020.

Melihat situasi semakin ramai wanita terlibat dalam perniagaan dan keusahawanan, terutamanya selepas pandemik Covid-19, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif menganjurkan program pembangunan usahawan wanita kepada komuniti di Bandar Bukit Mahkota, Selangor baru-baru ini.

Seramai 30 peserta terdiri daripada peniaga kecil serta ibu tunggal menghadiri program Pembangunan Usahanita dan Ibu Tunggal: Jom Berniaga Online Bersama Shopee di Pusat Komuniti Bukit Mahkota pada 23 Julai lalu.

Program secara percuma itu dirasmikan Pengerusi CIMB Group Holdings Berhad, CIMB Bank Berhad and CIMB Bank PLC Cambodia, Datuk Mohd. Nasir Ahmad yang juga merangkap Pengerusi Persatuan M6, Bandar Bukit Mahkota serta dihadiri wakil Persatuan Penduduk Bandar Bukit Mahkota.

Ketua program yang juga pensyarah di SPE, UPM, Prof. Dr. Rozanah Ab. Rahman berkata, program itu bertujuan membuat pemindahan ilmu berkaitan keusahawanan kepada peniaga yang



SEORANG peserta menerima sijil daripada wakil UPM.

terdiri daripada wanita dan ibu tunggal di situ.

Jelasnya, program sehari itu bertujuan memberi nasihat serta bimbingan kepada peserta terdiri daripada peniaga yang baru memulakan perniagaan.

"SPE sentiasa mempunyai hasrat untuk membantu peniaga wanita dan ibu tunggal menimba ilmu perniagaan ke arah menjadi usahawan berjaya.

"Ramai peniaga wanita secara kecil-kecilan dan sederhana di sini berniaga dari rumah, namun masih belum mempunyai ilmu asas keusahawanan.

"Menerusi inisiatif ini, kami harap ia dapat membantu mereka untuk terus berkembang," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Sepanjang program, peserta diberi pendedahan dan perkongsian pengalaman daripada pensyarah SPE, Saadiatul Ibrahim tentang tatacara membuka akaun Shopee, menjual melaluinya serta cara berhadapan dengan pelanggan secara maya.

Peserta juga diberikan pendedahan

ilmu pemasaran melalui aplikasi TikTok. Program itu turut melibatkan modul latihan secara berterusan atau *coaching system*.

Modul berkenaan dapat membimbing peserta yang benar-benar komited untuk mendapat khidmat nasihat.

Ia melibatkan pemantauan berterusan menerusi khidmat nasihat pemasaran, etika perniagaan dan pengurusan akaun.

Sementara itu, wakil Persatuan M6 Bandar Bukit

Mahkota, Datin Paduka Rusmani Abd. Rani berkata, pihaknya gembira dengan peluang kerjasama dengan SPE bagi menzahirkan hasrat membantu penduduk sekitar.

Menurutnya, kebanyakan peniaga terutamanya wanita mempunyai keinginan untuk meluaskan perniagaan, namun kurang yakin untuk memasarkan produk mereka menerusi aplikasi digital.

"Kebanyakan peserta menjalankan perniagaan mengikut amalan biasa iaitu dari rumah, secara bersemuka atau menjual di tapak niaga.

"Mereka hanya tertumpu di lokasi berdekatan rumah," katanya.

Pada program itu, peserta turut diberikan sijil latihan bagi membolehkan mereka menggunakannya sebagai nilai tambah, terutamanya untuk memohon dana bantuan daripada kerajaan atau agensi terlibat.

PESERTA diberi tunjuk ajar mengenai penggunaan aplikasi digital bagi mengembangkan lagi perniagaan mereka.

